



TUANKU Syed Sirajuddin Putra Jamalullail (kiri), Tuanku Fauziah Tengku Abdul' Rashid (dua dari kanan), Tuanku Syed Falzuddin Putra Jamalullail (dua dari kiri) dan Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil (kanan) serta anakanda baginda, Syed Sirajuddin Aarib Putra Syed Faizuddin menyertai Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-55 di Dataran Taman Merdeka, Kangar, semalam.

# Hari Kemerdekaan di Perlis meriah

ut | 1.09.12 | U11 D1 Ps - Hari Merdeka\*

Oleh SHOLINA OSMAN

utusanperlis@utusan.com.my

**KANGAR** 31 Ogos - Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-55 di Perlis meriah apabila kira-kira 3,000 rakyat sejak pagi membanjiri Taman Merdeka di sini untuk menyaksikan perhimpunan dan perarakan.

Majlis sambutan kemerdekaan kali ini yang bertemakan 55 Tahun Merdeka, Janji Ditepati bermula pukul 8 pagi dan berakhir 11 pagi.

Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Perempuan Perlis, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid berangkat ke majlis itu.

Perarakan juga disertai oleh kontinjen parti-parti politik dalam Ba-

lis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Md. Isa Sabu dan barisan Exco kerajaan negeri.

Perarakan dimulakan dengan Kumpulan Pembawa Bendera oleh 55 anggota 4 Rejimen Renjer Diraja (RRD) yang membawa Jalur Gemilang gergasi.

Ia diikuti oleh kumpulan pelajar sekolah yang membawa bendera negeri serta bendera merah, kuning, biru dan putih iaitu warna yang terdapat dalam bendera Malaysia.

Perarakan juga disertai oleh kontinjen Polis Diraja Malaysia diumumkan juara dalam pertandingan perarakan sempena sambutan kemerdekaan kali ini.

risan Nasional, jabatan kerajaan, badan berkanun, agensi swasta, gabungan agensi-agensi, persatuan, pertubuhan bukan kerajaan, kontinjen Sukan Malaysia Perlis dan badan beruniform.

Juga diadakan perarakan pelbagai jenis kenderaan termasuk tentera, polis trafik dan Kelab Coopers Perlis dan Perlis Supermoto.

Majlis juga diserikan dengan persembahan pantomim untuk mengimbaskan kembali kemerdekaan negara oleh Kumpulan Anak Merdeka Opera House Jabatan Pelajaran negeri.

Sementara itu kontinjen Polis Diraja Malaysia diumumkan juara dalam pertandingan perarakan sempena sambutan kemerdekaan kali ini.